

**APLIKASI QAUL MUKTAMAD DAN PANDANGAN MAZHAB FIQH DALAM
PROSES PENGELUARAN FATWA DI MALAYSIA**

***THE APPLICATION OF QAUL MUKTAMAD AND THE VIEWS OF FIQH SCHOOLS IN THE
FATWA ISSUANCE PROCESS IN MALAYSIA***

ⁱMuhammad Zakir Azim Mohd Halim, ⁱⁱMuzaffar Fariduddin, ⁱⁱⁱUmami Maisarah Mohd Safawai, ^{iv}Nurul Ain Shahida Zulkifle, ^vNur Jasmine Kamelia Mohamad Fauzi & ^{vi}Nisar Mohammad Ahmad

^{i, ii, iii, iv, v, vi}Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

*Corresponding Author: nisar@usim.edu.my

ABSTRACT

In Malaysia, schools of Islamic jurisprudence (mazhab fiqh) have played a crucial role in guiding the Muslim community to lead a life in accordance with Islamic law. The Shafi'i school of thought has been the primary mazhab serving as guidance, and it has long been deeply rooted in religious practices not only at the individual level but has also been integrated into every branch of Islamic administration in Malaysia. This can be clearly and officially seen in the administration of Islamic law at both federal and state levels in Malaysia, as enshrined in acts, enactments, and ordinances. One of the branches in Islamic administration in Malaysia that requires the involvement of mazhab fiqh perspectives is in the issuance of fatwas (religious edicts). In the fatwa issuance process, *qaul muktamad* (authoritative opinion) is a crucial element as a reference source for both State and National Fatwa Committees. This article aims to examine the relationship between mazhab fiqh and qaul mu'tamad, as well as their application in the fatwa-making process in Malaysia. This examination will be detailed with discussions of examples of fatwa issuance related to selected issues that use the application of *qaul muktamad*. The methodology used in writing this article is library research by referring to journals and articles addressing relevant issues. The analysis covers aspects of state authorities in fatwa issuance, methods of determining *qaul muktamad* for each mazhab, and comparison of state fatwa determination methods. This article concludes that the views of mazhab fiqh and its *qaul mu'tamad* have had a significant impact on Shariah legislation and judiciary guided by fatwas.

Keywords: *Qaul muktamad, mazhab fiqh, fatwa*

Abstrak

Di Malaysia, mazhab fiqh telah memainkan peranan yang sangat penting dalam memandu masyarakat Islam menjalani kehidupan yang bersyariat. Mazhab Syafie pula merupakan mazhab utama yang menjadi panduan dan ianya telah lama berakar umbi dalam amalan keagamaan bukan sahaja di peringkat individu malah telah disebutkan dalam setiap cabang pentadbiran agama Islam di Malaysia. Ini dapat dilihat secara jelas dan rasmi dalam pentadbiran undang-undang Islam di peringkat persekutuan dan negeri di Malaysia sepertimana yang termaktub di dalam akta, enakmen dan juga ordinan. Salah satu cabang dalam pentadbiran agama Islam di Malaysia yang memerlukan penglibatan pandangan mazhab fiqh ialah dalam pengeluaran fatwa. Dalam proses pengeluaran fatwa, *qaul muktamad* adalah elemen yang sangat penting sebagai sumber rujukan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri dan juga Kebangsaan. Artikel ini bertujuan untuk melihat perkaitan di antara mazhab fiqh dan qaul mu'tamad serta pengaplikasiannya dalam proses membuat fatwa di Malaysia. Penelitian aspek ini akan diperincikan dengan perbincangan contoh-contoh pengeluaran fatwa berkaitan isu-isu terpilih yang menggunakan aplikasi *qaul muktamad*. Kaedah yang digunakan dalam penulisan artikel ini ialah kajian kepustakaan dengan merujuk isis-isu yang berbangkit adalah dengan merujuk kepada jurnal dan artikel. Analisis yang dibuat adalah merangkumi aspek bidangkuasa negeri-negeri dalam pengeluaran fatwa, kaedah penetapan *qaul muktamad* bagi setiap mazhab dan perbandingan kaedah penetapan fatwa negeri-negeri. Artikel ini merumuskan bahawa pandangan mazhab fiqh dan *qaul mu'tamadnya* telah memberikan impak yang besar ke atas perundangan dan kehakiman Syariah yang berpancukan kepada fatwa.

Kata kunci: *Qaul muktamad, mazhab fiqh, fatwa.*

Pendahuluan

Di Malaysia, penggunaan pendapat muktamad yang menjadi pegangan dalam sesuatu mazhab atau *qaul muktamad* mazhab-mazhab muktabar seperti Syafie, Maliki, Hanafi dan Hanbali telah lama dipraktikkan dalam pengeluaran fatwa dan dalam penggubalan akta, enakmen dan ordinan undang-undang Syariah. Dalam masa yang sama, pandangan dan istinbat hukum daripada mazhab Syafie telah dijadikan sumber rujukan utama dalam pengeluaran fatwa di kebanyakan negeri di Malaysia. Artikel ini akan melihat sejauhmana *qaul muktamad* mazhab-mazhab muktabar ini berinteraksi dan berkompromi antara satu sama lain dalam pengeluaran fatwa samada di peringkat negeri mahupun persekutuan dan juga melihat takat pemakaian dan pengaplikasiannya samada secara sepenuhnya atau berlaku percampuran *qaul muktamad* antara mazhab-mazhab.

Meskipun Mazhab Syafie merupakan mazhab utama yang digunakan dalam penentuan hukum hakam, namun tidak semua negeri menggunakan mazhab Syafie dalam kerangka perundangan dan penghakiman mereka. Negeri Perlis misalnya, menggunakan metodologi yang berbeza dalam mengistinbatkan fatwa dan perbezaan metodologi ini dapat dilihat apabila ditelusuri peruntukan yang terdapat dalam enakmen undang-undang Syariah negeri Perlis dan negeri-negeri lain. Justeru itu artikel ini akan menyoroti aspek-aspek definisi, isu bidangkuasa, kaedah penetapan *qaul muktamad* setiap mazhab dan perbandingan kaedah penetapan fatwa antara negeri di Malaysia.

Pengenalan Fatwa

Fatwa merupakan kata pinjaman Bahasa Arab yang terdiri daripada kalimah 'فَتْوَى'. Fatwa juga disebut sebagai futya (فُتْيَا), dan futwa (فُتْوَى) serta jamaknya al-fatawa (الْفَتَاوَى) dan al-fatawi (الْفَتَاوِي). Sheikh Wahbah Al-Zuhailly mentafsirkan bahawa fatwa bermaksud setiap jawapan yang dikeluarkan oleh seorang Mufti apabila ditanyakan soalan kepadanya. Menurut Imam Al-Qarafi pula, fatwa bermaksud memberitahu seseorang akan hukum bagi sesuatu perkara. Al-Juriani pula mentafsirkan bahawa Fatwa adalah yang menjelaskan sesuatu permasalahan. Mazhab Maliki menyatakan bahawa fatwa itu sesuatu pengkhabaran tentang hukum sesuatu tanpa mengikatnya. Selain itu, hubungan antara kalimah 'fata' (فَتْوَى) dengan fatwa yang digunakan bagi mengeluarkan hukum adalah bermaksud pemuda yang sihat, cergas, dan gagah. Perkaitannya adalah Fatwa yang dikeluarkan bagi sesuatu permasalahan yang tidak

jelas menjadi sesuatu yang menguatkan dan mengukuhkan dan mengeluarkannya daripada kesamaran (PMWP, 2019).

Selain itu, sebahagian ulama membahagikan fatwa kepada dua kategori, iaitu yang pertama adalah fatwa yang dikeluarkan itu hanya sekadar penjelasan bagi Hukum Allah yang jelas terkandung di dalam Al-Quran dan tidak terdapat sebarang ijtihad oleh para ulama fiqh. Dalam situasi ini, mufti hanya menjelaskan dengan bahasa yang mudah difahami kepada masyarakat awam. Bagi kategori yang kedua pula, terdapat keperluan untuk berijtihad dalam mengeluarkan fatwa. Kategori ini juga boleh dibahagikan kepada dua jenis. Proses pengeluaran Fatwa yang melibatkan ijtihad yang pertama adalah yang menggunakan proses *Tahqiq al-Manat*, di mana terdapatnya pemakaian *illah* bagi hukum yang telah sedia ada kepada kejadian yang baru. Sebagai contoh, pempfatwaan rokok sebagai sesuatu yang haram (PMWP, 2015), yang sama *illah*nya dengan racun kerana keduanya merosakkan. Imam Syafie ada membincangkan di dalam kitabnya, *al-Umm*:

“Jika mereka mengambil (sesuatu makanan, minuman atau sesuatu yang dihisap, dihidu atau disedut) yang boleh memabukkan, perbuatan itu adalah jelas haram.”

Hal ini juga dikatakan sebagai apa-apa yang bertindak seperti racun yang membunuh diri. Seterusnya, situasi di mana pengeluaran fatwa melalui ijtihad yang tidak bersandarkan kepada apa-apa *illah*, atau bagi perkara-perkara yang tidak pernah berlaku. Hal ini juga bererti, tidak terdapat hukum bagi kes yang telah berlaku. Usaha ini disebutkan sebagai ijtihad, dan hasil daripadanya lah yang disebutkan sebagai fatwa (PMWP, 2019).

Fatwa Dalam Konteks Perundangan di Malaysia

Menurut Perlembagaan Persekutuan, mufti dan fatwa adalah termasuk dalam hal ehwal Islam yang berada di bawah bidang kuasa negeri. Punca kuasa perundangan berkaitan mufti dan fatwa berada di bawah undang-undang yang digubal di peringkat negeri melalui DUN masing-masing, manakala untuk Wilayah Persekutuan melalui Parlimen. Melihat kepada fatwa dan penggunaannya di Malaysia, fatwa boleh dikelaskan kepada tiga bentuk. Bentuk yang pertama adalah fatwa yang diwartakan dan bersifat mengikat masyarakat Muslim di sesuatu negeri itu di mana fatwa itu diwartakan. Sebagai contoh, sekiranya seseorang Muslim itu melanggar apa-apa fatwa yang telah diwartakan di Wilayah Persekutuan, maka dia boleh didakwa di bawah seksyen 9 Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan 1997.

Seterusnya, bentuk yang kedua adalah fatwa yang tidak diwartakan (Najib, 2022). Hal ini merujuk kepada Fatwa bagi suatu permasalahan yang dijelaskan oleh mufti dan Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak. Dalam kata lain, fatwa tersebut hanyalah sebagai jawapan bagi persoalan yang ditanyakan kepada pihak-pihak tersebut. Fatwa yang tidak diwartakan juga tidak mengikat mana-mana pihak dan bagi yang melanggarnya tidaklah dikira sebagai satu kesalahan jenayah. Kategori fatwa yang ketiga ialah bentuk fatwa-fatwa yang terkandung di dalam artikel-artikel yang dikeluarkan oleh laman rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Jika dilihat kepada artikel-artikel tersebut, kebanyakannya adalah jawapan bagi persoalan yang berkait rapat dengan masyarakat. Sebagai contoh, permasalahan dan persoalan yang timbul di kalangan masyarakat seperti hukum memandi bunga dan sebagainya. Fatwa yang dikeluarkan tidak semestinya telah diwartakan dan sudah tentu tidak mengikat seseorang (Najib, 2022).

Analisis Kajian

Bidangkuasa Negeri dalam Pentadbiran Agama

Bidangkuasa mufti dalam memberi nasihat berhubung dengan hukum Syarak terkandung di dalam Butiran 1, Senarai II, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan:-

- 1 *Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum Syarak yang berhubungan dengan pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, kesahatarafan, penjagaan, alang, pecah milik dan amanah bukan khairat; Wakaf dan takrif serta pengawalseliaan amanah khairat dan agama, pelantikan pemegang amanah dan pemerbadanan orang berkenaan dengan derma kekal agama dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat Islam yang beroperasi keseluruhannya di dalam Negeri; adat Melayu; Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan susunan dan tatacara mahkamah Syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang Persekutuan; mengawal pengembangan doktrin dan kepercayaan di kalangan orang yang menganut agama Islam; penentuan perkara mengenai hukum dan doktrin Syarak dan adat Melayu”.*

yang dibaca bersama Perkara 74(2) iaitu :-

Tanpa menjejaskan apa-apa kuasa untuk membuat undang-undang yang diberikan kepadanya oleh mana-mana Perkara lain, Badan Perundangan sesuatu Negeri boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Negeri (iaitu Senarai Kedua yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan) atau Senarai Bersama.

Berdasarkan punca kuasa di atas, secara umumnya terdapat dua institusi fatwa yang telah diwujudkan di Malaysia iaitu Jawatankuasa Fatwa Negeri dan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Di peringkat kebangsaan, sejak 2022, nama Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan telah ditukar kepada Jawatankuasa Muzakarah Mufti-mufti Seluruh Malaysia, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam atau juga dikenali sebagai Jawatankuasa Muzakarah MKI (Peraturan-Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, 2022). Kedua-dua Jawatankuasa Fatwa ini ditubuhkan di bawah peruntukan undang-undang yang berbeza. Sebelum pindaan kepada Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam di negeri-negeri, pengeluaran fatwa adalah di bawah bidangkuasa Majlis Agama Islam Negeri. Majlis Agama Islam Negeri mempunyai kuasa untuk membuat dan menyiarkan fatwa sama ada dengan kuasanya sendiri ataupun melalui Jawatankuasa fatwa yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Negeri. Sebagai contoh, seksyen 36(1) & 36 (2), Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Pahang 1991 memperuntukkan:

36 (1) Mufti boleh atas daya usahanya sendiri atau atas permintaan daripada mana-mana orang yang dibuat melalui surat yang dialamatkan kepada Mufti, atau atas perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat dan, tertakluk kepada subseksyen 2, menyiarkan dalam Warta fatwa atau pendapat atas sesuatu persoalan yang belum diputuskan atau persoalan yang menimbulkan pertikaian mengenai atau yang berkaitan dengan Hukum Syarak.

(2) Sesuatu fatwa yang dibuat oleh Mufti boleh disiarkan dalam Warta jika difikirkan perlu oleh Mufti tetapi hendaklah disiarkan dalam Warta jika diperintahkan dibuat demikian oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan.

Majlis Agama Islam berdasarkan peruntukan di atas, pada bila-bila masa dan atas kehendaknya sendiri mempunyai bidangkuasa untuk mengisytiharkan apa-apa fatwa atau keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Syariah. Namun bertitik tolak daripada pindaan Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam di Selangor pada tahun 1989 yang mengasingkan pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri, Mufti dan Mahkamah Syariah, urusan berkenaan fatwa telah diletakkan secara khusus di bawah Jabatan Mufti dan bukan lagi di bawah bidangkuasa Majlis Agama Islam Negeri (Nasohah, 2005).

Di Wilayah Persekutuan pula, seksyen 34 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam 1993 memperuntukkan:

34 (1) Mufti hendaklah, atas perintah Yang di Pertuan Agong, dan bolehlah atas kehendaknya sendiri atau atas permintaan mana-mana orang yang dibuat melalui surat yang ditujukan kepada Mufti, membuat dan menyiarkan dalam Warta suatu fatwa atau pendapat atas apa-apa persoalan yang belum diselesaikan atau yang menimbulkan pertikaian mengenai atau berhubungan dengan Hukum Syarak.

(2) Tiada pernyataan yang dibuat oleh Mufti boleh diambil sebagai fatwa melainkan jika dan sehingga pernyataan itu disiarkan dalam Warta menurut subseksyen (1).

Peruntukan di atas jelas menunjukkan bahawa dari sudut tatacaranya, persoalan mengenai hukum syarak atau fatwa hendaklah diajukan terus kepada mufti dan bukannya melalui Majlis Agama terlebih dahulu, sebagaimana sebelum pindaan dibuat. Fatwa boleh dikeluarkan sama ada atas daya usaha mufti sendiri atau atas perintah Yang di Pertuan Agong ataupun atas permintaan dari mana-mana orang. Namun demikian, terdapat sedikit perbezaan dalam peruntukan di beberapa negeri contohnya di negeri Terengganu di mana fatwa boleh dikeluarkan apabila ada permintaan melalui surat kepada mufti (Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu 2001, seksyen 25). Di Sabah, fatwa hendaklah dikemukakan oleh mufti bagi pihak Majlis Fatwa Negeri kepada Majlis Ugama Islam Negeri Sabah bagi memohon perkenan Yang di-Pertua Negeri untuk proses pewartaan (Enakmen Fatwa Sabah 2004, seksyen 4[3][4]). Manakala di Perak, fatwa atas apa-apa persoalan yang belum muktamad atau yang menimbulkan kontroversi tentang atau yang berhubungan dengan Hukum Syarak boleh dikeluarkan atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan, atas kehendaknya sendiri atau atas permintaan oleh mana-mana orang yang dibuat melalui surat yang dialamatkan kepada Mufti (Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, seksyen 36).

Setiap negeri di Malaysia memegang prinsip bahawa hanya fatwa yang diwartakan sahaja yang mengikat umat Islam di sesebuah negeri. (Akta Pentadbiran Undang-Undang Agama Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, seksyen 34(2)). Perwartaan adalah penting untuk membezakan antara fatwa dengan pendapat peribadi seseorang mufti. Sesuatu fatwa akan berkuatkuasa serta mengikat pemastautin di negeri berkenaan sahaja dan semua mahkamah Syariah di negeri berkenaan hendaklah mengiktiraf sesuatu fatwa yang telah diwartakan dinegeri di mana mahkamah Syariah itu terletak. Sebagai contoh dalam seksyen 34(3) Akta Pentadbiran Undang-Undang Agama Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 menyatakan:

(3) Apabila disiarkan dalam Warta, sesuatu fatwa hendaklah mengikat tiap-tiap orang Islam yang bermastautin di Wilayah-Wilayah Persekutuan sebagai ajaran agamanya dan hendaklah menjadi kewajipannya di sisi agama untuk mematuhi dan berpegang dengan fatwa itu melainkan jika dia dibenarkan oleh Hukum Syarak tidak mengikut fatwa itu dalam perkara-perkara amalan, kepercayaan, atau pendapat peribadi.

(4) Sesuatu fatwa hendaklah diiktiraf oleh semua Mahkamah dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan sebagai autoritatif mengenai semua perkara yang dinyatakan di dalamnya.

Penubuhan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam pula adalah berdasarkan Perkara 11 Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) yang ditubuhkan oleh Majlis Raja-Raja berpandukan kepada Perkara 38 (2) Perlembagaan Persekutuan iaitu:-

(2) *Majlis Raja-Raja hendaklah menjalankan fungsinya bagi –*

II. mempersetujui atau tidak mempersetujui supaya apa-apa perbuatan, amalan atau upacara agama diperluas ke Persekutuan secara menyeluruh.

Tujuan penubuhan Jawatankuasa ini adalah sebagai badan penyelaras terhadap Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri khususnya dalam membincangkan isu-isu besar dan bersifat segera yang melibatkan persoalan negara dan akidah umat Islam. Ini adalah kerana Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa hal ehwal yang berhubung dengan agama Islam adalah terletak di bawah bidangkuasa negeri.

Fungsi Jawatankuasa Muzakarah MKI adalah seperti yang ditetapkan di bawah Peraturan 14 Peraturan MKI iaitu :-

11 Tugas Jawatankuasa Fatwa itu ialah menimbang, memutuskan dan mengeluarkan fatwa atas apa-apa perkara berkenaan dengan Ugama Islam yang dirujuk kepadanya oleh Majlis Raja-Raja. Jawatankuasa itu hendaklah mengemukakan pendapat-pendapatnya kepada Majlis yang akan menghantarkannya bersama dengan pengesyoran-pengesyorannya kepada Majlis Raja-Raja.

Undang-Undang fatwa setiap negeri memperuntukkan bahawa persoalan hukum yang menyentuh kepentingan awam hendaklah ditujuk kepada Jawatankuasa Muzakarah MKI melalui sultan dan Majlis Raja-Raja. Namun begitu keputusan Jawatankuasa Muzakarah MKI hanya boleh berkuatkuasa di negeri-negeri setelah mendapat perkenan sultan atau raja di negeri-negeri berkenaan. Antara isu-isu yang telah ditangani oleh Jawatankuasa Muzakarah MKI ialah seperti Amanah Saham Nasional, Aurat Muhammadiyah, golongan anti hadis dan rokok elektronik. Walaubagaimanapun daripada aspek amalan dan pengaplikasian fatwa, wujud konflik antara institusi iaitu antara institusi fatwa kebangsaan dengan institusi fatwa negeri dan antara institusi fatwa negeri dengan institusi fatwa negeri yang lain. Konflik antara Persekutuan dengan negeri sebagai contoh, dapat dilihat dalam fatwa berkenaan ESQ Leadership Training, iaitu konflik antara Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dengan negeri Pahang. Konflik berlaku apabila Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (JFMKBHEUIM) yang bersidang pada 16 Jun 2010 telah memutuskan bahawa kursus ESQ Leadership Training boleh dilaksanakan di Malaysia dengan pengawasan penuh oleh Panel Syariah yang dilantik oleh ESQ.

Walaubagaimanapun Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak (JPHS) Negeri Pahang pula memutuskan bahawa kursus yang ditawarkan oleh ESQ Leadership adalah tidak bertentangan dengan aqidah bahkan ianya harus dilaksanakan walhal Muzakarah Khas JFMKBHEUIM telah menyatakan dengan jelas bahawa wujud banyak unsur keraguan dalam kursus ESQ tersebut. Malahan fatwa yang diputuskan oleh Mufti dan Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan pada 27 Ogos 2009 juga turut menyatakan bahawa ajaran, pegangan dan fahaman yang dibawa oleh ESQ Leadership Training adalah menyeleweng daripada ajaran Islam, bahkan fatwa ini telah diwartakan dalam Warta Kerajaan Malaysia pada 17 Jun 2010.

Contoh konflik antara negeri pula adalah berkenaan kaedah pembayaran zakat pendapatan, iaitu antara negeri Perak dengan Selangor. Di negeri Perak, Jawatankuasa Syariah Negeri Perak memfatwakan bahawa zakat pendapatan diwajibkan hanya apabila cukup haul dan nisab manakala Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak Negeri Selangor pula memfatwakan kewajipan zakat tanpa meletakkan syarat cukup haul dan nisab. Fatwa yang diputuskan oleh Mufti dan Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak Selangor ini adalah berbeza dengan apa yang diputuskan oleh Mufti dan Jawatankuasa Syariah Negeri Perak. Walaupun fatwa antara dua negeri ini menyatakan bahawa hasil pendapatan atau gaji adalah diwajibkan zakat namun perbezaan yang berlaku adalah dari sudut penetapan haul dan nisab dimana Jawatankuasa Syariah Negeri Perak menetapkan bahawa zakat pendapatan diwajibkan hanya apabila cukup haul dan nisab manakala Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak Negeri Selangor memfatwakan kewajipan zakat tanpa meletakkan syarat cukup haul dan nisab.

Kaedah Penetapan Qaul Mu'tamad bagi Setiap Mazhab

Qawl Mu'tamad empat mazhab terdiri daripada mazhab Syafie, Hanafi, Maliki dan Hanbali.

1. Mazhab Syafie

Qaul Mu'tamad Mazhab Syafie ialah pandangan atau pendapat rajih dan disepakati oleh Imam Rafi'ie dan Imam Nawawi atau dikenali sebagai (*Al-Syaikhan*). Namun begitu, sekiranya berlaku perselisihan antara kedua-dua imam, maka pendapat Imam Nawawi adalah muktamad selagi mana tiada pentarjihan pendapat Imam Rafi'ie yang dilakukan oleh ulama mutaakhirin.

Turutan kitab-kitab yang perlu dirujuk sekiranya terdapat perbezaan dalam pendapat Imam Nawawi di dalam kitab-kitab beliau adalah seperti berikut:

- i. Al-Tahqiq
- ii. Al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab
- iii. Al-Tanqih (Sharhu 'Ala Wasit al-Imam al-Ghazaliyy)
- iv. Rawdat al-Talibin
- v. Minhaj al-Talibin
- vi. Al-Fatawa
- vii. Sharh Sahih Muslim
- viii. Tashih al-Tanbih
- ix. Nukat al-Tanbih

Kitab Al-Tahqiq merupakan sebuah kitab rujukan utama dan kitab fiqh yang agung dan menghimpunkan perbincangan mengenai permasalahan fiqh terdapat dalam kitab-kitab mazhab Syafie dalam kalangan Mazhab Syafie karya Imam Nawawi. Maka, didahulukan penggunaan kitab Al-Tahqiq sekiranya berlaku perbezaan pendapat Imam Nawawi dalam permasalahan hukum dan feqah. Di dalam sebuah kitab karya Al-Allamah Al-Kurdi (al-Madani, 2011):

“ Jika terdapat perbezaan pendapat al-Nawawi dalam beberapa kitabnya, maka pendapat yang muktamad ialah yang terdapat dalam kitab Al-Tahqiq ”.

Sekiranya tidak terdapat pendapat *Al-Syaikhan* dalam kitab kedua-duanya, maka pendapat yang mu'tamad ialah Imam Ibn Hajar al-Haytamiyy dan Imam Shams Al-Din Al-Ramliyy. Jawatankuasa Fatwa boleh memilih antara pendapat kedua-dua Imam apa yang lebih menepati masalah, mengelakkan kesukaran (*mashaqqah*) dan membawa kemudahan berdasarkan metodologi Mazhab Syafie. Seterusnya, pendapat yang disepakati oleh ulama mutaakhirin akan digunakan sekiranya tidak terdapat pendapat Imam Ibn Hajar al-Haytamiyy dan Imam Shams Al-Din Al-Ramliyy. Sekiranya terdapat perselisihan dalam kalangan mereka, maka pendapat yang muktamad ialah mengikut tertib berikut:

- i. Pendapat yang dipilih oleh Shaykh al-Islam Zakariyya al-Ansariyy dalam kitabnya Sharh' Al-Manhaj dan Fath al-Wahhab
- ii. Pendapat yang dipilih oleh Imam Al-Khatib Al-Sharbiniyy dalam kitabnya Mughni Muhtaj
- iii. Pendapat yang dipilih oleh Al-Zayyadiyy dalam kitabnya Hashiyah Sharh 'Ala al-Manhaj dan Sharh 'Ala al-Muharrar
- iv. Pendapat yang dipilih oleh Ibn Qasim al-'Ubbadiyy dalam kitabnya Hashiyah 'Ala Sharh al-Minhaj
- v. Pendapat yang dipilih oleh al-Shihab 'Umayrah dalam kitabnya Hashiyah 'Ala Sharh al-Minhaj Li al-Mahallyyi
- vi. Pendapat yang dipilih oleh 'Aliyy al-Syabramallisiyy dalam kitabnya Hashiyah 'Ala Nihayat al-Muhtaj Li al-Ramliyy
- vii. Pendapat yang dipilih oleh Nur al-Din al-Halabiyy dalam kitabnya Hashiyah 'Ala Sharh al-Manhaj
- viii. Pendapat yang dipilih oleh Al-Shaubariyy dalam kitabnya Hashiyah Syarh al-Manhaj
- ix. Pendapat yang dipilih oleh Al-Inaniyy dalam kitabnya Hashiyah 'Ala Tahrir

2. Mazhab Hanafi

Qaul Mu'tamad mazhab Hanafi ialah qawl zahir al-riwayah iaitu pendapat yang rajih lagi kuat di sisi tiga imam mazhab Hanafi iaitu Imam Abu Hanifah, Imam Abu Yusuf Yaqub bin Ibrahim dan Imam Muhammad bin Al-Hasan Al-Shaybaniyy. Imam Abu Hanifah atau nama sebenarnya Nu'man bin Thabit bin Zuta bin Mah al-Taymi al-Kufi atau dalam riwayat lain adalah al-Nu'man bin Thabit bin al-Nu'man bin al-Marzuban merupakan pengasas Mazhab Hanafi. Kaedah penetapan qawl mu'tamad mazhab hanafi adalah seperti berikut:

1. Kitab-kitab Zahir Al-Riwayah oleh Imam Muhammad bin Al-Hasan Al-Shaybaniyy:
 - i. Al-Sayr al-Kabir
 - ii. Al-Sayr al-Saghir
 - iii. Al-Ziyadat
 - iv. Al-Jami' Al-Kabir
 - v. Al-Jami' Al-Saghir
 - vi. Al-Mabsut
 - vii. Al-Kafi
2. Kitab-kitab masalah Al-Nawadir karangan imam Muhammad bin Al-Hasan Al-Shaybaniyy:
 - i. Al-Raqqiyyat
 - ii. Al-Kaysaniyyat
 - iii. Al-Jurjaniyyat
 - iv. Al-Haruniyyat
3. Kitab-kitab Al-Fatawa / Al-Waqiat anak-anak murid imam Muhmmad bin al-Hasan dan ulama mutaakhirin mazhab Hanafi selepasnya
 - i. Al-Nawazil (Abu al-Layth al-Samarqandiyy)
 - ii. Majmu' Al-Nawazil dan Al-Waqiat (Imam Al-Natifiy)
 - iii. Al-Waqiat (Imam al-Sadr al-Shahid 'Umar)
 - iv. Fatawa, Khulasoh, Muhit Al-Burhaniyy dan Al-Sarajiyyah (Imam Qadikhan)

Sekiranya tidak terdapat suatu pendapat imam-imam mazhab Hanafi sama ada dalam Zahir Al-Riwayah atau lain-lain, maka perlu dilihat pendapat-pendapat ulama selepas mereka. Sekiranya mereka bersepakat atas satu pendapat, maka pendapat itulah yang diamalkan. Sekiranya mereka berselisih pendapat, maka pendapat yang dipegang ialah pandangan majoriti ulama Turutan kitab-kitab khusus yang menjadi rujukan pendapat muktamad selepas kitab-kitab Zahir Al-Riwayah adalah seperti berikut:

- i. Sharh Ma'ani al-Athar
- ii. Al-Mukhtasar Fi al-Fiqh
- iii. Sharh Mukhtasar al-Tahawiyy

3. Mazhab Maliki

Qaul muktamad mazhab Maliki ialah pandangan yang dipegang dalam mazhab Maliki (yang difatwakan dengannya) yang telah ditetapkan melalui kaedah mazhab Maliki. Ia adalah pendapat Imam Malik dan ashab yang sama manhaj dengannya berdasarkan kaedah dan usul mazhab Maliki (Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, 2017). Kaedah penetapan qaul mu'tamad mazhab Maliki adalah seperti berikut:

- i. Pendapat Imam Malik Kitab Al-Mudawwanah (riwayat Ibn Qasim)
- ii. Pendapat Imam Malik Kitab Al-Mudawwanah (selain riwayat Ibn Qasim)
- iii. Pendapat Ibn Qasim dalam Kitab Al-Mudawwanah.
- iv. Pendapat selain Ibn Qasim dalam Kitab Al-Mudawwanah.

- v. Pendapat Imam Malik yang diriwayatkan Ibn Qasim dalam selain kitab Al-Mudawwanah.
- vi. Pendapat Imam Malik yang diriwayatkan oleh selain Ibn Qasim dalam selain kitab
- vii. Al-Mudawwanah.
- viii. Pendapat Ibn Qasim dalam selain kitab Al-Mudawwanah.
- ix. Pendapat ulama-ulama mazhab Maliki yang lain.

Kitab *al-Mudawwanah* didahulukan berbanding kitab *al-Muwatta'* kerana kitab Al-Mudawwanah datang kemudian daripada kitab *al-Muwatta'*. Kitab *al-Mudawwanah* mengandungi pendapat-pendapat Imam Malik yang diriwayatkan oleh Ibn Qasim iaitu anak muridnya yang paling dipercayai dan yang paling lama berguru dengannya.

- a) Kitab-kitab Utama (Ummul Khittab) mazhab Maliki:
 - i. Al-Muwatta' karya Imam Malik bin Anas
 - ii. Al-Mudawwanah al-Kubra karya Imam Sahnun
 - iii. Al-Wadihah karya 'Abd al-Malik bin Habib
 - iv. Al-Mustakhrajah karya Abu 'Abdillah Muhammad
 - v. Al-Mawaziyyah karya Muhammad bin Al-Mawaz
 - vi. Kitab al-Majmu' karya Ibn 'Abdus
 - vii. Al-Mabsut Fi Fiqh karya Al-Qadiyy Abu Ishaq Ismail
 - viii. Mukhtasarat Ibn 'Abd Al-Hakam karya Abdullah 'Abd Al-Hakam
- b) Kitab-kitab Mu'tamad Mazhab Maliki:
 - i. Mukhtasar Khalil karya Khalil bin Ishaq
 - ii. Sharh al-Zarqaniyy 'Ala Mukhtasar Sayyidi Khalil karya Al-Zarqaniyy
 - iii. Hashiyat Al-'Adawiyy 'Ala Al-Khurashiyy 'Ala Mukhtasar Khalil karya 'Aliyy bin Ahmad Al-'Adawiyy
 - iv. Hashiyat al-Dusuqiyy 'Ala Al-Sharh Al-Kabir karya Muhammad 'Urfah Al-Dusuqiyy

4. Mazhab Hanbali

Qaul muktamad mazhab Hanbali ialah pandangan yang dipegang berdasarkan kaedah-kaedah tertentu mazhab Hanbali. Kaedah penetapan qawl mu'tamad mazhab Hanafi adalah pendapat yang disepakati Imam Musa bin Ahmad al-Maqdisiyy al-Hijawiyy dalam kitabnya Al-Iqna' dan pendapat Imam Taqiyy al-Din Ibn al-Najjar al-Futuhiyy dalam kitabnya Muntaha al-Iradat fi al-Jam' Bayn al-Muqni' wa al-Tanqih wa al-Ziyadat. Sekiranya terdapat perbezaan terhadap penjelasan hukum bagi sesuatu isu antara imam Al-Hijawiyy dan Ibnu al-Najjar al-Futuhiyy dalam kitab mereka. Rujukan kitab-kitab lain adalah seperti berikut:

- i. Imam 'Ala' al-Din al-Mirdawiyy
Kitab: al-Tanqih al-Mushbi' fi Tahrir Ahkam al-Muqni', al-Insaf Fi Ma'rifat al-Rajih min al-Khilaf 'Ala Madhhab al-Imam Ahmad bin Hanbal, Tashih al-Furu'
- ii. Pendapat Imam al-Mar'iyy bin Yusuf al-Karamiyy
Kitab: Ghayat al-Muntaha Fi al-Jam' Bayn al-Iqna' wa al-Muntaha
- iii. Pendapat Imam al-Mirdawiyy atau al-Karamiyy yang menyokong pendapat imam al-Hijawiyy dan Ibnu al-Najjar al-Futuhiyy
- iv. Pentarjihan yang dinyatakan oleh imam Ibnu al-Najjar al-Futuhiyy dalam kitabnya al-Muntaha

Kitab-kitab yang menjadi rujukan bagi mengenal pasti pendapat mu'tamad mazhab Hanbali adalah seperti berikut:

- i. Kitab al-Tanqih al-Mushbi' fi Tahrir Ahkam al-Muqni' karya Imam 'Ala' al-Din al-Mirdawiyy
- ii. Kitab al-Insaf Fi Ma'rifat al-Rajih min al-Khilaf 'Ala Madhhab al-Imam Ahmad bin Hanbal. Karya Imam 'Ala' al-Din al-Mirdawiyy
- iii. Kitab Tashih al-Furu' karya Imam 'Ala' al-Din al-Mirdawiyy

- iv Kitab al-Iqna' karya Imam Musa bin Ahmad al-Maqdisiyy al-Hijawiyy
- v Kitab Muntaha al-Iradat fi al-Jam' Bayn al-Muqni' wa al-Tanqih wa al-Ziyadat karya Imam Taqiyy al-Din Ibn al-Najjar al-Futuhiyy
- vi Kitab Ghayat al-Muntaha Fi al-Jam' Bayn al-Iqna' Wa al-Muntaha karya Imam Mar'iy Yusuf Al-Karamiyy

Analisis Perbandingan Qaul Muktamad Antara Negeri-Negeri

Pengeluaran fatwa di Malaysia adalah tanggungjawab Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri. Setiap Jawatankuasa Fatwa Negeri mempunyai kuasa untuk mengeluarkan fatwa mengenai pelbagai isu agama yang menjadi persoalan masyarakat setempat. Berdasarkan kepada analisis yang dibuat, terdapat perbezaan dalam mengaplikasikan qaul muktamad sebagai sumber rujukan negeri-negeri bagi tujuan pengeluaran fatwa. Sumber rujukan yang menjadi keutamaan dalam pengeluaran fatwa setiap negeri di Malaysia telah tertulis sepertimana yang termaktub dalam Enakmen negeri masing-masing.

Kebanyakan negeri-negeri di Malaysia selain negeri Perlis, mengutamakan pendapat-pendapat dari Mazhab Syafie dalam mengeluarkan sesuatu fatwa. Perkara berkenaan adalah selari dengan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 yang memperuntukan sepertimana berikut:

Seksyen 54. Qaul muktamad yang hendaklah diikuti

- (1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 48 atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah seksyen 53 Jawatankuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut qaul muktamad (pendapat-pendapat yang diterima) Mazhab Syafie.

Namun begitu, sekiranya Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri mendapati bahawa dengan mengikut qaul muktamad Mazhab Syafie berlawanan dengan kepentingan awam dan masalah umat, Jawatankuasa Fatwa boleh menggunakan qaul muktamad Mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali dan seterusnya fatwa dibuat secara ijtihad jamaie selaras dengan peruntukan berikut:

Seksyen 54. Qaul muktamad yang hendaklah diikuti

- (2) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut qaul muktamad Mazhab Syafie suatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan terhasil, Jawatankuasa Fatwa bolehlah mengikut qaul muktamad Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali.
- (3) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa tiada satu pun qaul muktamad daripada empat mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Jawatankuasa Fatwa bolehlah membuat fatwa itu mengikut ijtihad tanpa terikat dengan qaul muktamad daripada mana-mana mazhab yang empat itu.

Penetapan metodologi berkaitan sumber rujukan dalam pengeluaran fatwa sebegini bukan hanya terpakai di negeri Selangor sahaja, malah terpakai juga di Negeri Sembilan (Seksyen 54 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) , 2003), Kedah (Seksyen 26 Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman), 2008), Terengganu (Seksyen 54 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu), 2001) dan Kelantan (Seksyen 37 Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2004) sepertimana yang terkandung dalam Enakmen negeri masing-masing. Perbezaan antara negeri-negeri tersebut hanya pada sifah (*wording*) seksyen sahaja, namun isi kandungan dan pengaplikasiannya masih sama antara negeri-negeri tersebut.

Di Perlis, Agama Islam yang diamalkan adalah mengikut *Ahli Sunnah Waljama'ah* (Seksyen 5 (1) Undang-Undang Tubuh Negeri Perlis). Justeru itu, pemakaian qaul muktamad Mazhab Syafie sebagai sumber rujukan utama dalam mengeluarkan sesuatu fatwa di negeri Perlis adalah berbeza dan tidak diamalkan. Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa, Jawatankuasa Fatwa hendaklah mengikut Al-Quran dan Sunnah (Seksyen 54 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Perlis), 2006). Secara jelas

bahawa Jawatankuasa dalam mengeluarkan sesuatu fatwa tidak terikat dan tidak dimestikan mengikut sesuatu mazhab tertentu sama ada Syafie, Maliki, Hanbali dan Hanafi. Namun begitu, tidaklah bermakna Jawatankuasa fatwa menolak semua pendapat imam-imam mazhab *Ahl al-Sunnah* yang empat itu. Perkara ini bertepatan dengan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Perlis) 2006 yang menyatakan:

Seksyen 54. Sumber yang hendaklah diikuti

(1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 48 atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah seksyen 53 Jawatankuasa Fatwa hendaklah mengikut Al-Quran dan/atau Sunnah Rasulullah Sallallahu'alaihi Wassalam

Aplikasi Qaul Muktamad: Nasab Anak Tidak Sah Taraf Dalam Fatwa Negeri-Negeri

Syeikh *Najib al-Muti'ie* seorang ulama bermazhab Syafie menyebut bahawa, tiada khilaf dalam kalangan ahli ilmu bahawa anak zina tidak disabitkan nasab kepada lelaki yang berzina dengan ibu anak tersebut dan mereka tidak saling mewarisi (*al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*). Bahkan, disisi Mazhab Syafie dan Maliki tidak mengharamkan pernikahan antara mereka berdua tetapi memakruhkannya. Justeru itu, pendapat mazhab Syafie ini dipegang oleh kebanyakan fatwa negeri-negeri di Malaysia. Asas pendapat mazhab Syafie ini adalah berdasarkan Hadis Nabi S.A.W sepertimana berikut:

"Anak itu (nasabnya) kepada suami, sementara bagi perzinaan itu hanya kekecewaan (tiada hak yang boleh dituntut)" (Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Justeru itu, isu ini dapat dilihat apabila Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam berhubung dengan kedudukan anak tak sah taraf ini yang diadakan pada 1981 membuat keputusan seperti berikut:

"Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam kali ke 1 yang bersidang pada 28-29 Januari 1981 telah membincangkan penamaan Anak Tak Sah Taraf (Anak Luar Nikah). Muzakarah telah memutuskan bahawa anak zina atau anak luar nikah (anak tak sah taraf) samada diikuti dengan perkahwinan kedua pasangan ibu bapanya atau tidak hendaklah dibin atau dibintikan kepada Abdullah."

Berdasarkan kepada muzakarah tersebut, 8 negeri iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Johor, Melaka, Sarawak, Negeri Sembilan, Terengganu, Selangor dan Pulau Pinang telah mengadaptasikan dan telah memperjelaskan lagi intipati keputusan itu dalam fatwa di negeri-negeri tersebut walau pun dengan menggunakan pelbagai Sighah (*wording*) yang berbeza. Malah lima daripada negeri-negeri tersebut, iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Melaka, Negeri Sembilan, Terengganu dan Selangor telahewartakan fatwa berkenaan.

Namun begitu, fatwa di negeri Perlis tidak berpegang dengan pandangan ulama mazhab Syafie. Sebaliknya lebih mengikut dan berpegang kepada mazhab Hanafi dan Hambali yang membenarkan untuk anak tak sah taraf dinasabkan kepada bapa zina itu sendiri (bapa biologi). Pendapat ini juga disokong oleh Syeikhul Islam Ibnu Taimiyyah dan Ibnu Qayyim berpegang bahawa nasab boleh disabitkan dengan membuktikan persetubuhan hakiki sekalipun zina. Antara alasan pendapat ini ialah hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim tentang Jurajj seorang ahli ibadah yang dituduh berzina dengan seorang wanita oleh orang ramai. Padahal wanita itu telah berzina dengan orang lain. Jurajj telah berwuduk, bersolat dan memohon kepada Allah. Allah telah menzahirkan karamah di tangan Jurajj dalam peristiwa itu di mana dia datang kepada bayi tersebut yang masih kecil dan bertanya:

(Wahai budak! Siapakah bapa kamu? Jawab bayi itu: Pengembala itu)

Jawapan bayi ini dijadikan hujah bahawa dalam karamah yang Allah zahirkan itu bayi itu apabila ditanya "*siapa bapa kamu*" dia menjawab pengembala itu. Ertinya, dinasabkan anak zina kepada

bapanya. Tidak ditanya siapakah yang berzina dengan ibu kamu tetapi siapakah bapa kamu. Anak itu dinisbahkan kepada bapa zinanya. Justeru itu, Fatwa Negeri Perlis yang diwartakan pada tahun 2013 atas perkenan Raja Pemerintah. Warta fatwa itu menyebut: “*Anak yang lahir kurang 6 bulan selepas ibunya berkahwin, boleh dibinkan kepada suami ibunya, kecuali jika dinafikan oleh si suami* (Jabatan Mufti Negeri Perlis)”

Kes Nasab Anak Tidak Sah Taraf di Mahkamah Syariah

Di Mahkamah Syariah, isu penentuan nasab bagi anak tidak sah taraf ini terdapat keputusan Mahkamah yang tidak membenarkan untuk anak tak sah taraf tersebut dinasabkan kepada bapa zina (bapa biologi) selari dengan qawl muktamad mazhab Syafie sepertimana yang dijelaskan sebelum ini. Perkara ini dapat dilihat di dalam kes *Mohd Faizol bin Zainal v Suhaila bt Yusoff*. Pada 8 Januari 2009, Plaintiff dan Defendan telah dijabkabulkan, yang mana usia kandungan Defendan pada masa itu telah pun mencecah empat bulan lebih. Plaintiff dan Defendan telah membuat pengakuan bahawa sebelum mereka berkahwin, mereka telah mengadakan hubungan luar nikah sehinggalah Defendan telah hamil anak luar nikah pada Ogos 2008. Defendan telah melahirkan Seorang bayi perempuan pada 5 Mei 2009 yang diberi nama Nur Farisha bt Abdullah. Plaintiff dan Defendan memfailkan tuntutan penentuan nasab ini agar Mahkamah membuat keputusan berhubung status nasab anak yang dilahirkan oleh Defendan itu boleh dibintikan kepada Plaintiff sebagai bapa. Mahkamah berpuas hati bahawa bayi yang telah dilahirkan oleh Defendan tidak memenuhi syarat-syarat untuk dinasabkan kepada Plaintiff menurut hukum syarak dan undang-undang. Justeru itu, bayi berkenaan tidak boleh dinasabkan kepada Plaintiff sebagai bapanya.

Walau bagaimanapun, terdapat kes di Mahkamah yang mana anak tak sah taraf tersebut boleh dinasabkan kepada bapa biologinya sepertimana di dalam kes *Faizal bin Rabion v Nurul Fazila bt Nawi*. Plaintiff dan Defendan telah berkahwin dan lima bulan sembilan hari selepas tarikh akad nikah tersebut, Defendan telah melahirkan seorang anak. Namun begitu, anak tersebut tidak dikaitkan kepada Plaintiff sebagai bapa di mana maklumat bapa dalam sijil kelahiran anak tersebut dicatatkan sebagai tidak diketahui. Oleh itu, dalam tuntutan ini, Plaintiff menuntut agar anak tersebut dikaitkan kepadanya sebagai bapa iaitu agar maklumat bapa kepada anak tersebut dalam sijil kelahiran diubah kepada maklumat diri Plaintiff. Plaintiff juga menuntut agar Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) membenarkan anak tersebut didaftarkan dan dikeluarkan kad pengenalan dengan nama anak tersebut dibinkan kepada nama Plaintiff sebagai bapa yang sah.

Walaupun anak tersebut tidak boleh dinasabkan kepada Plaintiff menurut hukum syarak tetapi anak tersebut boleh dan hendaklah dibenarkan dinasabkan kepada Plaintiff bagi tujuan perundangan atau pentadbiran atau dengan kata lain, dinasabkan bagi urusan perkara yang tidak melibatkan pentadbiran hukum syarak. Tujuan perundangan atau pentadbiran bermaksud seperti bagi tujuan pendaftaran persekolahan. Plaintiff bolehlah dan hendaklah dianggap sebagai bapa yang sah kepada anak tersebut tetapi jika Plaintiff meninggal dunia, anak tersebut tetap tidak boleh mewarisi pusaka Plaintiff dan sekiranya jika anak tersebut seorang perempuan, Plaintiff tetap tidak boleh menjadi wali dalam pernikahan anak tersebut.

Keterbukaan Dalam Menerima Pakai Pandangan Pelbagai Mazhab Dalam Fatwa di Malaysia

Dalam proses mengeluarkan hukum atau fatwa, majoriti negeri di Malaysia secara lazimnya akan mengguna pakai dan mengaplikasikan qawl muktamad mazhab Syafi'e. Namun begitu, sekiranya qawl muktamad mazhab Syafi'e bertentangan dengan kepentingan awam, maka mana-mana qawl muktamad mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali, atau mana-mana mazhab lain yang mempunyai kaedah istinbat hukum yang hampir kepada aliran-aliran ini boleh dirujuk. Jawatankuasa Fatwa boleh menggunakan ijtihad mereka sendiri sekiranya berpandangan bahawa masih wujud percanggahan antara kepetingan awam dan qawl-qawl muktamad tersebut.

Sebagaimana termaktub dalam Seksyen 39, Akta Pentadbiran Undang-undang Agama Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 telah dinyatakan bahawa:

Seksyen 39. Nas-nas yang hendaklah diikuti

(1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 34, atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah seksyen 38, Mufti hendaklah pada lazimnya mengikut pandangan-pandangan diterima (*qaul muktamad*) Mazhab Syafie.

(2) Jika Mufti berpendapat bahawa dengan mengikut *qaul muktamad* Mazhab Syafie akan membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Mufti bolehlah mengikut *qaul muktamad* Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali.

(3) Jika Mufti berpendapat bahawa tiada satu pun *qaul muktamad* daripada empat Mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Mufti bolehlah menyelesaikan persoalan itu mengikut hematnya sendiri tanpa terikat dengan *qaul muktamad* daripada mana-mana Mazhab yang empat itu.

Klausa seksyen di atas adalah bersamaan dengan klausa-klausa kebanyakan Enakmen Pentadbiran negeri-negeri lain mengenai kaedah pembentukan sesuatu fatwa yang digunapakai oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri masing-masing. Jelasnya, pandangan Mazhab Syafi'e adalah pegangan utama yang digunapakai dalam fatwa-fatwa di Malaysia sama ada diwartakan ataupun tidak. Fatwa yang berlandaskan aliran Mazhab Syafie ini diterima pakai oleh masyarakat Malaysia secara umumnya dalam hukum fatwa berkaitan akidah, ibadah, muamalat, munakahat dan hukum-hukum syarak yang berkaitan sejak sekian lama. Walaubagaimanapun, pandangan mazhab sunni yang lain seperti Mazhab Maliki, Hanafi dan Hanbali tetap perlu digunapakai demi kemaslahatan masyarakat dalam beberapa keadaan yang tertentu dan dipersetujui oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri masing-masing. Kami menampilkan beberapa contoh fatwa yang dibina di atas pandangan mazhab sunni selain Mazhab Syafie berdasarkan isu yang berkait rapat dengan masyarakat Malaysia.

Status Batal Wudhu' Apabila Bersentuhan Antara Lelaki Dan Wanita Bukan Mahram Ketika Tawaf

Tawaf merupakan salah satu rukun yang penting dalam pelaksanaan ibadah haji dan umrah. Tanpa tawaf, ibadah haji atau umrah tersebut tidak dianggap sah. Antara syarat sah tawaf adalah dalam keadaan suci dari hadas dan najis, termasuklah pakaian, badan, dan tempat tawaf. Hal Ini juga menunjukkan bahawa perlunya kepada wudhu' bagi seseorang yang ingin melakukan tawaf. Isu ini menjadi perkara khilaf dikalangan para ulama' dalam menetapkan samaada batal atau tidak wudhu' sekiranya bersentuhan antara lelaki dan perempuan ketika tawaf.

Qaul Muktamad dalam mazhab al-Syafi'e menetapkan bahawa bersentuhan lelaki dan perempuan tanpa lapik akan membatalkan wudhu' sama ada sentuhan itu disertai syahwat ataupun tidak. Begitu juga sama ada sentuhan itu sengaja ataupun tidak ataupun terlupa. Manakala, menurut mazhab Hanafi, ianya tidak membatalkan wudhu' jika tersentuh di antara lelaki dan perempuan. Pendapat ini turut disokong oleh Muhammad bin Al-Hasan al-Syaibani dan pendapat Ibn 'Abbas, Tawus, al-Hasan, dan juga pendapat pilihan Ibn Taimiyyah.

Tambahan pula, pendapat yang masyhur di sisi mazhab Hanbali dan Maliki menyatakan bahawa sentuhan di antara lelaki dan perempuan tidak membatalkan wudhu' jika tidak disertai dengan syahwat. Oleh itu, bagi meraikan maslahat masyarakat dalam melaksanakan ibadah haji dan umrah, penetapan hukum bahawa wudhu' tidak terbatal dipegang dan diaplikasikan berdasarkan pendapat mazhab Syafi'e yang marjuh dan ianya juga bertepatan dengan mazhab Hanbali dan juga Maliki (PMWP, 2016).

Hal ini merujuk kepada Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Kali Ke 21 Musim Haji 1426H telah menetapkan seperti berikut:

1. *Rukhsah* adalah keringanan yang Allah berikan kepada umat Islam dalam melaksanakan perintah-perintah Allah di saat-saat ada darurat, masyaqqah atau haajah. Manakala,

Azimah pula ialah suatu kemestian melaksanakan perintah atau hukum Allah dalam apa keadaan sekalipun.

2. *Memilih pendapat selain Mazhab Syafi'ie atau menerima pendapat marjuh dalam Mazhab Syafi'ie di dalam melaksanakan ibadat boleh dianggap sebagai satu keringanan atau rukhsah.*
3. *Dalam isu batal wuduk ketika mengerjakan tawaf, maslahat jemaah haji dapat dijamin, masyaqqah dan haraj mereka seperti kesesakan di tempat tawaf yang boleh menyebabkan berlaku persentuhan lelaki dan perempuan, ianya dapat dihindarkan dengan beralih dari pendapat Syafi'ie yang masyhur dan berpegang kepada pendapat marjuh dalam Mazhab Syafi'ie.*
4. *Jemaah Haji boleh menggunakan pendapat yang mengatakan tidak batal wuduk jika berlaku persentuhan lelaki dan perempuan tanpa syahwat, berdasarkan hal-hal berikut :*

4.1 Ianya adalah pendapat yang paling sederhana.

4.2 Fuqaha Mazhab Syafi'ie pun ada yang berpendapat sedemikian sebagaimana yang disebut oleh Ibn Suraij dan al-Rafi'ie.

4.3 Pendapat tersebut ialah pendapat yang paling tepat dengan maqasid syariah dan menepati ruh syariah.

(Pandangan Mazhab dalam Kes Batal Wudhu': Pendapat Pilihan Berdasarkan Maslahat Jemaah Haji, 5-7 Jun 2005)

Isu Pembayaran Zakat Fitrah Menggunakan Beras Atau Wang

Zakat Fitrah ialah zakat diri yang difardhukan ke atas setiap individu lelaki dan perempuan muslim yang berkemampuan dengan syarat-syarat yang ditetapkan. Secara umumnya, pembayaran zakat ini boleh dilaksanakan sepanjang bulan Ramadhan dan sebeum terbenamnya matahari 1 Syawal. Menunaikan zakat fitrah adalah rukun Islam yang keempat dan kewajipan membayar zakat fitrah ini telah disebutkan secara jelas dalam dalil qatie iaitu Al-Quran dan Hadis Rasulullah.

Pada asasnya, wujud perbezaan dalam kalangan ulama' mazhab mengenai kaedah pembayaran zakat. Kewajipan membayar zakat fitrah sebanyak satu gantang beras didasarkan pada ijthad yang menggunakan qiyas, dengan mengambil illah dari hadis yang menyebutkan pembayaran zakat fitrah dalam bentuk satu gantang tamar atau barli. Ijthad ini diterima oleh jumhur ulama, termasuklah di kalangan mazhab Syafie, yang menyatakan bahawa zakat fitrah dapat dibayar dengan jenis makanan ruji masyarakat setempat.

Di sisi ulama mazhab Imam al-Syafie, pendapat yang paing sah tentang penentuan kadar dan jenis zakat fitrah adalah mengikut jenis makanan ruji bagi majoriti penduduk. (al-Nawawi).

Namun begitu, mazhab Hanafi mengharuskan pembayaran zakat fitrah dengan menggunakan nilai ringgit bagi menggantikan satu gantang beras. Keperluan ini berasaskan pendapat Abu Hanifah dan ulama mazhab Hanafi yang menyatakan bahawa zakat fitrah tidak perlu diberikan dalam bentuk makanan asas. Sebaliknya, zakat fitrah boleh diserahkan dengan membayar jumlah yang setara dengan ukuran satu sa'. Abu Ja'far juga menyatakan bahawa memberikan zakat dalam bentuk wang atau qimah lebih disyorkan kerana wang lebih bermanfaat kepada fakir miskin dan membolehkan mereka membeli pelbagai keperluan (As-Sarkhasi, 2000).

Oleh yang demikian, majlis fatwa negeri-negeri di Malaysia telah mengaplikasikan pendapat dari mazhab Hanafi dalam keharusan membayar zakat menggunakan nilai wang ringgit melihat kepada kepentingan dan maslahat masyarakat setempat. Sebagai contoh, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa

Negeri Kedah yang bersidang pada 11 November 1989 telah membincangkan mengenai Pembayaran Zakat Fitrah Dengan Wang. Mesyuarat berpendapat bahawa:

Harus kaum muslimin di negeri ini mengeluarkan zakat fitrah yang wajib ke atas mereka dengan harga makanan yang biasa dimakan (beras).

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-57 yang bersidang pada 10 Jun 2003 telah membincangkan Penentuan Harga Zakat Fitrah Seluruh Malaysia. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. *Harga zakat fitrah bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia adalah berdasarkan harga setempat yang ditetapkan oleh BERNAS bagi beras Super Tempatan Gred A mengikut timbangan satu gantang Baghdad bersamaan 2.60kg.*
2. *Harga zakat fitrah bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak adalah berdasarkan harga setempat yang ditetapkan oleh BERNAS, masing-masing bagi beras Vietnam White Rice bagi negeri Sabah dan Thai White Rice bagi negeri Sarawak mengikut timbangan satu gantang Baghdad iaitu bersamaan 2.70kg.*

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-51 yang bersidang pada 11 Mac 2002 telah membincangkan isu Penyelarasan Kaedah Penentuan Harga Zakat Fitrah Seluruh Malaysia. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. *Harga zakat fitrah bagi negeri-negeri adalah berdasarkan harga semasa bagi beras Super Tempatan Gred A yang beratnya satu gantang Baghdad iaitu bersamaan 2.70 kilogram; dan*
2. *Bagi beras yang berlainan grednya, hendaklah ditentukan menurut perkiraan satu gantang Baghdad.*

Natijahnya, peruntukan-peruntukan setiap negeri secara jelas menunjukkan bahawa tiada kekangan dan keterikatan dalam menerima pandangan yang sesuai dan munasabah selagi mana mengutamakan kemaslahatan kepada masyarakat umum, meskipun pandangan tersebut berada di luar lingkup pandangan muktamad Syafi'e. Namun begitu, berdasarkan penelitian terhadap fatwa-fatwa sedia ada, jawatankuasa fatwa pada dasarnya tidak akan mengeluarkan fatwa berdasarkan pandangan di luar Syafi'i, terutama dalam kasus yang tidak melibatkan konflik dengan kemaslahatan umum, untuk menjaga tradisi yang telah sedia berakar umbi dalam masyarakat. Hal ini menunjukkan bahwa pengaplikasian fatwa di Malaysia selalu mengutamakan faktor kemaslahatan sebagai pertimbangan utama ketika menangani isu-isu signifikan dalam masyarakat.

Kesimpulan

Tuntasnya, setiap fatwa yang dikeluarkan wajarnya mempunyai asas yang tersendiri diikuti dengan hujjah yang kukuh. Usaha yang dilakukan untuk mengeluarkan hukum adalah berdasarkan hukum syarak dan kepentingan dan masalah yang lebih baik. Maka, setiap daripada umat Islam sewajarnya mematuhi dan menghormati fatwa yang telah dikeluarkan. Tidak perlu berbalah bagi hukum fatwa yang tidak sesuai dengan kehendak diri sendiri.

Seperti Firman Allah di dalam Surah Anbiya' ayat 7 yang menyeru umat Islam agar bertanya atau merujuk kepada orang yang berpengetahuan di dalam sesuatu perkara sekiranya terdapat apa-apa kemusykilan. Masyarakat awam boleh merujuk fatwa dan pencerahan bagi permasalahan yang dikeluarkan oleh Mufti. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan banyak memberikan pencerahan bagi permasalahan yang timbul di dalam kehidupan seharian masyarakat melalui artikel-artikel. Sebagai contoh, Bayan Linnas yang memberikan kenyataan umum berkaitan dengan masalah nasional seperti masalah yang berkaitan dengan penyakit Covid-19. Seterusnya, Irsyad Fatwa di mana dikemukakan hukum-hukum agama berkaitan permasalahan yang timbul di dalam kehidupan seharian masyarakat. Maka jelaslah bahawa Fatwa itu mengangkat manusia daripada kesamaran.

Rujukan

- Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan, 1997 (Federal Territories).
- Akta Pentadbiran Undang-Undang Agama Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1993 (Federal Territories).
- Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam, 1993 (Federal Territories).
- Al-Asbahi, M. (n.d.). *Al-Mudawwanah al-Kubra* (Vol. 2, pp. 30-31).
- Al-Buhuti, M. (n.d.). *Kasyfa al-Qina' An Matan al-Qina'*, (Vol. 4, p. 515; Vol. 6, pp. 487-489). Dar al-Fikr.
- Al-Buhuti, M. (n.d.). *Syarah Muntaha al-Iradat*, Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.
- Al-Fayyumi, A. M. (n.d.). *Al-Misbah al-Munir*, Al-Maktabah al-Ilmiyyah.
- Al-Madani, M. (2011). *Al-Fawaid Al-Madaniyah*, Dar Nursabah wa Dar Jaffan Wa Jabi.
- Al-Sarkhsi, A. B. M. (2001). *Al-Mabsut*, Dar al-Kutb al-Ilmiyyah.
- Al-Suyuti, J. (2006). *Al-Asybah Wa al-Nazair*, Dar al-Salam.
- Al-Syarbini, S. M. (1997). *Mughni al-Muhtaj*, Dar al-Fikr.
- Al-Syatibi, A. I. (2001). *Al-Muwafaqat fi Usul al-Syariah*, Dar al-Kutb al-Ilmiyyah.
- Enakmen Fatwa Sabah, 2004 (Sabah).
- Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2004 (Kelantan).
- Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman), 2008 (Kedah).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Perlis), 2006 (Perlis).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor), 2003 (Selangor).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan), 2003 (Negeri Sembilan).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak), 2004 (Perak).
- Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu), 2001 (Terengganu).
- Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Pahang, 1991 (Pahang).
- Faizal bin Rabion v. Nurul Fazila bt Nawi [2014] 1 SHLR 137
- JAKIM. (2015). Kompilasi Pandangan Hukum, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Uagama Islam Malaysia. JAKIM.
- Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. (2017, November 9-10). Garis Panduan Pengeluaran Fatwa di Malaysia. <https://shorturl.at/jyOY3>
- Lembaga Tabung Haji. (2009). Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Kali ke 20 hingga 31 1425H hingga 1436H (2004 hingga 2015). [https://cms-th.s3.amazonaws.com/4.RESOLUSI+MHPK+KALI+KE+20-31+1425H+HINGGA+1436H+\(2004-2015\).pdf](https://cms-th.s3.amazonaws.com/4.RESOLUSI+MHPK+KALI+KE+20-31+1425H+HINGGA+1436H+(2004-2015).pdf)
- Mohd Faizol bin Zainal v Suhaila bt Yusoff [2014] 2 SHLR 83
- Najib, M. (2022, February). Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-669: Perbezaan Fatwa Warta Dan Fatwa Tidak Warta. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/5139-irsyad-al-fatwa-siri-ke-669-perbezaan-fatwa-warta-dan-fatwa-tidak-warta>
- Nasohah, Z. (2005). Undang-Undang Penguatkuasaan Fatwa Di Malaysia. ISLAMIYYAT, 27(1), 25-44.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2019, June 1). Bayan Linnas Siri Ke-179: Metodologi Jawapan Hukum Dan Fatwa Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/3440-bayan-linnas-siri-ke-179-metodologi-jawapan-hukum-dan-fatwa-mufti-wilayah-persekutuan>
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2015, May 10). Bayan Linnas Siri Ke-18: Merokok: Hukum Dan Penyelesaiannya. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/2634-bayan-linnas-siri-ke-18-merokok-hukum-dan-penyelesaiannya>
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2016, November 2). Al-Kafi #421: Bersentuhan Antara Lelaki Dan Wanita Ketika Tawaf, Adakah Membatalkan Wudhu'? <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/1331-al-kafi-421-bersentuhan-antara-lelaki-dan-wanita-ketika-tawaf-adakah-membatalkan-wudhu>
- Perlembagaan Persekutuan [Federal Constitution] (Malaysia).
- Undang-Undang Tubuh Negeri Perlis (Perlis).